



قرسیدغن کالی قرتام باکی تیمقوه قعگل کامقت
دیوان نغری کلتنن یغ ک لیم بلس

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KE LIMA BELAS TAHUN 2026**

2-5 ZULKAEDAH 1447H • 20-23 APRIL 2026

HARI PERTAMA

3 ZULKAEDAH 1447H || 21 APRIL 2026

SESI SOAL JAWAB

Faktor Kejayaan Kutipan Hasil Tanah RM380 juta (2025)

Kerajaan Negeri bersyukur atas kejayaan kutipan hasil tanah sebanyak RM380 juta pada tahun 2025 hasil usaha bersepadu semua pihak yang didorong oleh beberapa faktor utama:



Pengukuhan tadbir urus dan pemantauan

Sasaran kutipan ditetapkan dengan jelas kepada setiap jajahan dan prestasi dipantau secara berkala bagi memastikan semua daerah mencapai target



Kecekapan pentadbiran tanah

Urusan seperti pemberimilikan, tukar syarat dan pecah sempadan diproses dengan lebih cepat dan sistematik, sekali gus mempercepatkan kutipan hasil



Pendigitalan sistem

Pembayaran hasil tanah secara atas talian serta pendigitalan pentadbiran menjadikan urusan lebih mudah, telus dan efisien

Langkah memastikan prestasi konsisten (2026)



1 Penetapan KPI jelas

Setiap jajahan ada sasaran kutipan sendiri berdasarkan potensi kawasan



2 Penggunaan tanah secara optimum

Tanah kerajaan dimajukan atau dipajak untuk jana hasil tambahan seperti premium tanah



3 Kesedaran pembayar cukai

Kempen dan hebahan supaya rakyat bayar cukai tepat masa



4 Latihan sumber manusia

Pegawai diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran dan profesionalisme



5 Penguatkuasaan undang-undang

Tindakan tegas di bawah Kanun Tanah Negara untuk elak ketirisan hasil

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



Faktor Kejayaan Kutipan Hasil Tanah RM380 Juta (2025)

Kerajaan Negeri Bersyukur Atas Kejayaan Kutipan Hasil Tanah Sebanyak RM380 Juta Pada Tahun 2025 Hasil Usaha Bersepadu Semua Pihak Yang Didorong Oleh Beberapa Faktor Utama :

Pendekatan Mesra Pembayar Cukai



- **Hebahan Bersasar & Pelbagai Saluran**

Maklumat berkaitan bayaran cukai tanah disampaikan melalui **portal rasmi, media sosial dan saluran komunikasi** lain bagi memudahkan rakyat mendapat info terkini.



- **Tiada Kewajipan Hantar Peringatan Rasmi**

Undang-undang tidak mewajibkan kerajaan mengeluarkan **notis peringatan** kepada pemilik tanah.



- **Galakan Bayaran Awal**

Rakyat digalakkan membuat bayaran lebih awal untuk **mengelakkan penalti atau tindakan penguatkuasaan**.



- **Penambahbaikan Berterusan**

Kerajaan sentiasa **menilai dan menambah baik sistem penyampaian** supaya lebih mudah, cepat dan mesra pengguna.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



STRATEGI KERAJAAN NEGERI MENJAGA INTEGRITI PENJAWAT AWAM DALAM PENTADBIRAN:



1 PENGUKUHAN TADBIR URUS YANG BAIK (GOOD GOVERNANCE)

- Pematuhan kepada Kod Etika Perkhidmatan Awam
- Penerapan nilai Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (U.M.I)
- Pemantauan melalui audit dalaman

2

2 PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

- Mengenal pasti risiko rasuah, melaksanakan langkah pencegahan serta pemantauan berkala

3 KERJASAMA STRATEGIK DENGAN AGENSI PENGUATKUASAAN

- Kerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui program pendidikan integriti, pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR), khidmat nasihat serta audit integriti

4

4 LATIHAN, PENDIDIKAN DAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI

- Pelaksanaan kursus, seminar dan program pembangunan kepimpinan

5 MEMPERKASAKAN MEKANISME ADUAN DAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

- Platform aduan talian (Sistem e-integra, Bahagian Integriti dan Tadbir Urus BITU) melalui Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat BPTM)
- Perlindungan kepada pemberi maklumat selaras dengan peruntukan undang-undang seperti Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
- Polisi Pemberi Maklumat (Whistleblower)

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
 Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
 Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



7 STRATEGI TRANSFORMASI

PERTANIAN NEGERI KELANTAN

1

Pengoptimuman Tanah & Peningkatan Guna Tanah
Pelaksanaan Projek Pembangunan Tanah Terbiar Negeri
bagi menukar tanah tidak diusahakan kepada kawasan pertanian produktif.

- Peruntukan : RM2.98 juta (RMKe-12)
- Penglibatan : 270 petani
- Keluasan : 264.46 hektar

2

Pemeriksaan Komoditi Strategik & Pertanian Bernilai Tinggi
Pembangunan pelbagai komoditi utama bagi memperkukuh sekuriti makanan dan meningkatkan pendapatan petani.

- Komoditi asas : Padi, Sayur-sayuran, Buah-buahan, Kelapa
- Tanaman bernilai tinggi : Durian klon, Kelapa Pandan, Fertigasi Premium



3

Pemodenan Teknologi & Mekanisasi Pertanian
Penggunaan teknologi moden dipergiat untuk meningkatkan kecekapan dan hasil.

- Sistem fertigasi & rumah pelindung hujan (SPH)
- Mekanisasi pertanian
- Varieti tanaman berkualiti tinggi
- Aplikasi teknologi pintar (IoT & automasi)
- Program Pemindahan teknologi hasil R&D khususnya dari MARDI kepada Masyarakat petani.

4

Pembangunan Usahawan Tani & Agroniaga Muda
Penekanan kepada pembangunan modal insan melalui latihan, bimbingan dan sokongan kewangan

- Program seperti Geran Agropreneur Muda (GAM) - **15 penerima (2024-2025)**
- Peruntukan: RM 399,780
- Membangunkan **minima 5 Usahawantani Al-Falah** DUN setiap tahun dibawah pemantauan YB-YB ADUN diseluruh negeri Kelantan.



5

Transformasi Berteraskan Nilai & Pembangunan Insan melalui Pelaksanaan dasar “Bertani Satu Ibadah” dan Gerakan Pertanian Al-Falah sebagai pendekatan pembangunan insan dalam sektor pertanian. Antara penekanan merangkumi kepada:

- Pembentukan nilai, disiplin dan integriti petani
- Pembinaan mindset keusahawanan moden
- Penglibatan komuniti melalui program di peringkat DUN

6

Memperhebat kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensi pertanian seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Bersepadu (IADA) dan lain-lain.

- Lebih 300 ekar tanah terbiar telah buat penanaman nenas.



Pemeriksaan GLC Pertanian sebagai Agen Perubahan Kerajaan Negeri memperkukuh peranan GLC Pertanian sebagai pemacu transformasi sektor :



Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan



KPKB

Kelantan Biotech Corporation



Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad



Darul Naim Agromanagement Industries Sdn Bhd

Peranan utama :

- Pelaksana projek berskala komersial
- Pemacu teknologi dan inovasi
- Pemantau projek rakyat
- Penghubung antara kerajaan, petani dan pelabur



Langkah-langkah Memperkasakan Mahkamah Syariah Negeri Kelantan

Menaik Taraf Infrastruktur Mahkamah Syariah

- Menubuhkan sertaewartakan empat (4) buah Mahkamah Tinggi Syariah Jajahan yang baharu iaitu di Pasir Mas, Tanah Merah, Machang dan Bachok.
- Melaksanakan proses menaik taraf infrastruktur Mahkamah Syariah di jajahan Bachok, Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan Machang

Mewujudkan Mahkamah Teknologi

Perbicaraan kes-kes Mal secara jarak jauh bagi memudahkan pihak-pihak yang mempunyai kekangan fizikal atau geografi. Mahkamah ini telah dirasmikan pada 8/9/2025

Penambahbaikan Perjawatan

Penaiktarafan Mahkamah Syariah daripada tiga (3) peringkat kepada empat (4) peringkat melalui pewujudan Mahkamah Utama Syariah sebagai peringkat tertinggi dalam sistem kehakiman Syariah Negeri. Kini ia berada difasa akhir kajian untuk pelaksanaan.

Penambahbaikan Perjawatan

Pemeriksaan perjawatan telah dilaksanakan melibatkan pengisian perjawatan hakim dan pegawai syariah, naiktaraf Ketua Unit Sulh, cadangan mewujudkan Marsyal Mahkamah, cadangan tubuh Unit Risikan dan Unit Waran Tangkap melibatkan:-

- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan;
- Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah;
- Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan.

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta




BANTUAN BAPA TUNGGAL

- Tiada skim khusus untuk bapa tunggal
- sebagaimana Skim Bantuan Armalah
- (ibu tunggal).



Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempertimbangkan permohonan daripada bapa tunggal yang memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagaimana kes ibu tunggal (armalah).



Kerajaan menerima 12 borang permohonan untuk bantuan bapa tunggal sejak 2025



KELANTAN FUTURE LEADERS INSTITUTE (KFLI)

- Melahirkan Negarawan **Al-Qawiy Al-Amin**
(Berilmu • Berakhlak • Berwawasan • Berteraskan Islam)



TERAS STRATEGIK PEMBANGUNAN KFLI

- **Pembangunan Ilmu dan Kepakaran**
(Knowledge & Competency Development)
Membentuk pemimpin berdaya saing, kritis & berkemahiran tinggi
- **Pembangunan Akhlak dan Nilai Islam** (Character & Values Building):
Menyemai integriti, amanah & kepimpinan berteraskan ummah
- Pengukuhan **Visi Pemimpin Masa Depan**
(Vision & Strategic Orientation):

Melahirkan agen perubahan
selaras Kelantan Sejahtera 2033



PENCAPAIAN UTAMA

Melalui 7 Program Flagship utama

- **1,040** orang belia/beliawanis telah dilatih
- **604** orang alumni terkumpul terdiri daripada pelajar sekolah, mahasiswa universiti dan belia lepasan pengajian tinggi

INISIATIF MASA HADAPAN

- Kerajaan Negeri Sedang **Membangunkan Indeks Kompetensi** Belia Kelantan Untuk Menilai Kompetensi dan Mengenal Pasti Pemimpin Masa Hadapan

YB ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO
dan Perpaduan Masyarakat



Soalan Tambahan

PERANCANGAN JANGKA PANJANG KFLI

Ekosistem Berstruktur

(Talent Pipeline) Pembangunan
kepimpinan berperingkat (sekolah hingga profesional)

Kurikulum Masa Depan

(Future-Ready Skills) Fokus
Ekonomi digital, teknologi, data & keusahawanan moden

Pendekatan 'Hands-On' (Experiential Learning)

Program Felo Darulnaim

Jaringan Strategik

(Strategic Collaboration)
Kerjasama agensi, industri, universiti & antarabangsa

Pendekatan Berasaskan **Data Pemantauan**
& **pembangunan bakat** secara sistematik



KFLI
KELANTAN FUTURE LEADERS INSTITUTE
BELIA AL-QAWIYYUL AMIN

YB ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO
dan Perpaduan Masyarakat



LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN ANEMIA

KKM dan JKN Kelantan melaksanakan **prevention anemia** sejak trimester pertama secara teratur bagi mengelakkan komplikasi kehamilan.

Pendidikan Pemakanan (Inisiatif Wanita Sihat)



Penekanan kepada pengambilan makanan tinggi zat besi dan asid folik melalui :

Hebahan maklumat pemakanan melalui media sosial & konvensional

Peningkatan kesedaran saringan kesihatan (Hb & BMI)

Sokongan komuniti untuk amalan pemakanan sihat

Saringan Awal Ibu Hamil



Pemantauan hemoglobin (Hb) bermula lawatan pertama;

Paras normal
>11.0 g/dl.

YB HILMI BIN ABDULLAH

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar



SESI PERBAHASAN

1

PEMBANGUNAN INDUSTRI HILIRAN

Kita menanam, kita menuai tetapi nilai tambah sering dinikmati oleh pihak lain. Inilah sebabnya mengapa **pembangunan industri hiliran perlu diberi penekanan** yang serius.



Hasil pertanian seperti padi, buah-buahan, ikan dan ternakan tidak seharusnya dijual dalam bentuk mentah semata-mata, sebaliknya perlu **diproses menjadi produk bernilai tinggi** seperti makanan siap, produk berjenama dan juga produk eksport.



Dengan adanya industri hiliran, nilai sesuatu hasil pertanian boleh meningkat berkali ganda sekaligus **meningkatkan pendapatan petani dan membuka peluang pekerjaan** yang baharu kepada rakyat.



2

PERKENAL PAKEJ RANGSANGAN



Bagi memperkukuh keterjaminan makanan negeri dalam suasana hari ni adalah dicadangkan supaya Kerajaan Negeri turut **memperkenalkan satu pakej rangsangan komprehensif yang Bersifat jangka pendek dan sederhana** bagi menangani kesan kemarau serta kenaikan kos operasi akibat krisis global.

Pakej ini boleh merangkumi **bantuan bersasar bagi input kritikal** seperti diesel dan sistem pengairan, bantuan kewangan tambahan kepada petani, penternak dan nelayan yang terjejas, serta insentif penggunaan teknologi pertanian moden bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran. Inisiatif ini bukan sahaja mampu **mengurangkan tekanan kos dan risiko kerugian** yang sedang dihadapi oleh pengusaha agromakanan, malah dapat memastikan kesinambungan pengeluaran serta memperkukuh keterjaminan bekalan makanan negeri secara mampan.



3

POTENSI RONG CHENOK



Kerajaan disaran agar terus **mengangkat potensi Rong Chenok** secara lebih agresif dengan memperkukuh ekosistem pelaburan, menarik lebih ramai pelabur berimpak

tinggi serta memberi penekanan kepada pembangunan tanaman bernilai komersial tinggi. Langkah ini penting bagi memastikan peningkatan **pengeluaran makanan, menjana pulangan ekonomi lebih besar**, memperluas peluang pekerjaan dan memposisikan Kelantan sebagai hub agro moden yang berdaya saing.

YB ZURADIN ABDULLAH

ADN Chetok





PROGRAM KELANTANKU BERSIH

Kita melihat bahawa pendidikan kebersihan adalah suatu yang penting bermula dari bawah. Oleh itu, saya mencadangkan **supaya kerajaan bekerjasama dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan YIK** bagi melibatkan sekolah dalam semua program pendidikan dan kempen kebersihan.



PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA FLAT KG. SIREH

Saya ingin mencadangkan agar satu kajian impak penilaian lalu lintas (*traffic impact assesment*) bagi memperbaiki dan menaik taraf sistem lalu lintas di kawasan tersebut. Saya menaruh harapan yang tinggi dan optimis bahawa **projek urbanisasi** disitu akan **memberi impak yang besar kepada pelbagai sektor ekonomi, masyarakat termasuk impak sosial.**



YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN

ADN BUNUT PAYONG





FEDERALISME

Kita mesti kembali kepada asas perlembagaan. Persekutuan mempunyai kekuatan kewangan, negeri mempunyai tanah dan kelebihan lokasi. Apabila keduanya berhubung dan bergabung dengan baik maka manfaatnya akan kembali kepada rakyat.



ISU RAKYAT DAN KEHIDUPAN HARIAN

Saya ingin tegaskan bahawa dalam masa infrastruktur asas harus terus diperkukuh namun dalam masa yang sama sistem penyampaian kerajaan juga mesti berubah menjadi lebih responsif, pantas dan mesra rakyat.



DASAR SUMBER MANUSIA BAGI PENJAWAT CFS

KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

Suka saya mencadangkan agar kerajaan negeri dapat mengkaji semula pelaksanaan skim CFS ini sama ada kemungkinan ke arah penyelarasan apa-apa sistem yang lebih stabil dan berkeadilan. Langkah ini bukan sahaja penambahbaikan pentadbiran tetapi juga lambang keadilan Islam dan penghargaan kepada penjawat awam yang setia berkhidmat demi kemakmuran negeri Kelantan.



Isu ketenteraman awam (mercun)



“

Kegembiraan segelintir tidak wajar mengorbankan ketenangan ramai. Warga emas terkejut, anak kecil ketakutan, risiko kebakaran meningkat. Kerajaan perlu berani menilai semula pendapatan dari caj lesen berbaloi atau tidak.

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH

ADN Chempaka



“Jika Kelantan mahu muncul sebagai **jelapang makanan negara**, maka kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mesti diperkukuh melalui bantuan, insentif serta sokongan bersasar kepada seluruh pengusaha sektor agromakanan.”



“Tanah yang subur, rakyat yang rajin dan potensi yang luas tidak akan membawa hasil maksimum tanpa keberanian dasar, **pelaburan strategik dan pelaksanaan yang tersusun.**”



“Sudah sampai masanya Kelantan memiliki rantai **bekalan makanan ternakan sendiri** agar para penternak tidak terus bergantung kepada negeri lain untuk keperluan asas perusahaan mereka.”



“**Pembangunan sektor pertanian** yang berkesan bukan sekadar meningkatkan hasil negeri, tetapi membuka peluang pekerjaan, mengukuhkan ekonomi tempatan dan memberi harapan baharu kepada generasi muda.”



“Kawasan strategik seperti Bukit Yong dan Cherang Tuli tidak boleh sekadar menjadi laluan perhubungan, tetapi mesti dibangunkan sebagai **gerbang ekonomi baharu** yang memanfaatkan limpahan pembangunan ECRL dan masa depan Kelantan.”





1

Dalam kerangka Persekutuan Malaysia, semangat federalisme tidak boleh berhenti sebagai prinsip di atas kertas, tetapi mesti diterjemahkan melalui pembahagian kuasa yang jelas, pembiayaan yang adil dan pelaksanaan bersama yang benar-benar berkesan antara pusat dan negeri.

2

Pendekatan yang paling sesuai untuk Malaysia hari ini bukan federalisme yang terlalu berpusat, tetapi cooperative federalism, iaitu model kerjasama pusat-negeri yang lebih matang, lebih telus dan lebih berasaskan hasil yang dapat dirasai oleh rakyat.

3

Kelantan berhak menuntut layanan pembangunan yang adil dan setimpal kerana negeri ini bukan sekadar negeri biasa, tetapi negeri sempadan, negeri pesisir pantai dan negeri strategik yang memikul beban penting kepada keselamatan, perdagangan dan pengeluaran makanan negara.

4

Jika negeri ini memikul beban strategik untuk negara, maka amat wajar Putrajaya memadankan beban tanggungan tersebut dengan komitmen pembangunan yang setimpal, lebih cepat, lebih serius dan lebih berkesan.

5

“Operasi institusi di sempadan tidak akan memadai sekiranya kapasiti fizikal, kelancaran kargo, keselesaan pengguna serta jaringan jalan dan rel masih tertangguh, kerana rakyat menilai keberkesanan dasar bukan pada pengumuman, tetapi pada keadaan sebenar di lapangan.”

YB KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD

ADN GUAL PERIOK



6

Dari sudut kerajaan, projek benteng dan PLSB Sungai Golok mungkin sekadar jadual kerja berfasa, tetapi dari sudut rakyat, ia bermaksud beberapa lagi musim monsun terpaksa diharungi dengan rasa cemas, bimbang dan tidak pasti.

7

Sambungan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 bukan soal prestij semata-mata, tetapi soal masa perjalanan, keselamatan jalan raya, integrasi wilayah Pantai Timur dan kesiapsiagaan logistik masa depan yang sangat diperlukan oleh Kelantan.

8

Kelantan perlu lebih berani mendesak satu pakej logistik wilayah yang lengkap, meliputi LPT3, rel sempadan, jaringan jalan raya domestik yang lebih baik, pelabuhan yang berdaya saing dan lapangan terbang berstatus antarabangsa.

9

Keresahan petani, penternak dan peniaga kecil bukan sentimen kosong, tetapi lahir daripada tekanan sebenar apabila pengeluar tempatan terpaksa bersaing dengan kemasukan barang murah dari sempadan dalam keadaan perlindungan dasar masih belum cukup tegas.

YB KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD

ADN GUAL PERIOK



Cabaran ekonomi global dan perubahan iklim



“Kelantan berdepan kemarau yang panjang menyebabkan banyak sawah kekeringan air dan berlaku kebakaran akibat suhu yang sangat panas. Oleh itu, Jelawat memohon agar pihak Kerajaan menyediakan satu insentif atau bantuan khusus kepada pesawah-pesawah, pekebun-pekebun yang menanggung kerugian serta pengusaha-pengusaha IKS yang terkesan dengan kenaikan bahan api.

Perlaksanaan kepatuhan dan undang-undang Enakmen Peguam Syarie



“Sekarang ini Bahagian Penguatkuasaan Syariah Negeri Kelantan berada di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri Kelantan (JAHEAIK), saya percaya bahawa sudah sampai masanya Bahagian Penguatkuasaan Syariah ini dikembangkan dan dijadikan suatu jabatan yang berasingan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) supaya ianya lebih efisien seiring dengan kita hendak memperkasakan mahkamah syariah dan perundangan Islam di negeri ini.

YB ZAMERI MAT BIN NAWANG

ADN Jelawat




KRISIS EKONOMI GLOBAL

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu syarikat Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB) telah mengadakan banyak siri perbincangan melibatkan setiap lapisan pengurusan hingga ke peringkat ahli lembaga pengarah. Syarikat telah merancang langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan risiko terutamanya jika keadaan ekonomi sekarang berterusan.



Syarikat-syarikat PKINK telah menunjukkan **prestasi yang cukup baik**. Saya cadangkan sebagai contoh **syarikat Pemodalan Kelantan Berhad (PKB) dapat disenaraikan di Bursa Malaysia**.



PEMBANGUNAN TVET

Saya sangat teruja dengan program **penghantaran pelajar Kelantan latihan TVET ke Korea Selatan dan German**.

Saya merayu agar pelajar-pelajar kawasan luar bandar seperti Kuala Balah **diberi kuota khas** agar mereka **tidak sekadar menjadi penonton dalam kerancangan pembangunan ekonomi** yang dinikmati oleh masyarakat bandar.

YB DATO' ABDUL HADI AWANG KECHIL

ADN Kuala Balah



BEKALAN AIR TANDAK

Sebahagian besar mereka masih bergantung kepada sistem bekalan air tandak. Di DUN Kuala Balah terdapat **16 buah tandak yang menjadi talian hayat** kepada hampir 2000 buah keluarga. Tiga tandak diselenggara oleh KESEDAR dan satu oleh JPS. 12 tandak lagi diselenggara oleh komuniti sendiri. **Cabaran utama** yang di alami penduduk iaitu **kos penyelenggaraan, infrastruktur dan jurang teknologi**.



Saya mohon agar kerajaan persekutuan dan negeri melalui agensi berkaitan dapat **pertimbangkan bantuan khas** samada dalam bentuk **dana penyelenggaraan tetap, naik taraf saiz paip** mahupun **penyediaan teknologi**.

YB DATO' ABDUL HADI AWANG KECHIL

ADN Kuala Balah



Pembangunan Infrastruktur dan Kebajikan Pengangkutan

- i. Mendesak **memperkasa pembangunan infrastruktur** di Negeri Kelantan, khususnya melibatkan jaringan jalan raya dan lebuh raya utama yang masih belum siap sepenuhnya serta gesaan agar projek-projek strategik seperti LTU dan LPT3 disegerakan.
- ii. Kepentingan kebajikan pengguna pengangkutan udara turut diketengahkan melalui cadangan **pemantauan harga tiket penerbangan** agar lebih berpatutan demi kepentingan rakyat.



Isu Infrastruktur Tempatan dan Cabaran Iklim

Suara rakyat di Mengkebang menekankan **isu kelewatan projek infrastruktur** seperti pembinaan jambatan yang menjejaskan akses harian penduduk. Ditekankan juga keperluan pemantauan lebih ketat dan tindakan terhadap kontraktor yang gagal. Selain itu, cabaran El-Nino turut dibangkitkan dengan cadangan penyediaan sumber air alternatif secara lebih sistematik.



Strategi Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan

Mencadangkan **zon ekonomi mengikut kelebihan jajahan** untuk galakkan pelaburan, termasuk menarik pelaburan asing dan memanfaatkan REE. Turut dicadang pembangunan industri teknologi hijau seperti kilang "**super magnet**" bagi menjana ekonomi dan peluang pekerjaan.

YB HAJI ZUBIR ABU BAKAR

ADN Mengkebang



Tadbir urus dan integriti

“ Pengkalan Pasir mencadangkan agar diwujudkan **pemisahan kuasa** antara Pegawai Daerah dan Yang DiPertua majlis daerah diperingkat PBT kerana ia akan merumitkan perancangan yang lebih berkesan

“ Saya meminta agar kiosk-kiosk PBT yang terbengkalai dan memerlukan **pembaikpulihan untuk dipindahkan** ke tempat yang lebih strategik agar dapat dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan lain.

Pendidikan dan modal insan.

“ Pengkalan Pasir mencadangkan agar Halaqat menyediakan satu silibus untuk pengajaran yang lebih berkesan dan memperbanyakkan pendakwah dan guru-guru halaqat yang muda yang lebih memahami isu-isu semasa agar ia akan memberi kesan kepada tarbiah di mukim masing-masing

”

YB HAJI MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD


ADN PENGKALAN PASIR





Untuk menjadikan **Tok Bali sebagai game changer**, kita memerlukan transformasi TBSB menjadi sebuah Pelabuhan Sepenuhnya (Full-fledged Port). Kita sedar bahawa di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, urusan pelabuhan adalah di bawah Senarai Persekutuan manakala urusan tanah adalah di bawah Senarai Negeri.

Menjelang 2027, kita akan mempunyai **tambahan 300 megawatt** daripada Empangan Nenggiri dan 100 megawatt daripada Ladang Solar Danau Tok Uban. dan kita juga mempunyai beberapa mini hydro yang lain lagi. Jumlah tenaga menjelang 2027 sangatlah lumayan besar yang **berpotensi menjemput pelabur-pelabur metadata** seperti Google, Amazon, Microsoft dan sebagainya untuk melabur dalam sektor green energy di Kelantan



Kita mahu Kelantan menjadi **Gergasi Ekonomi Pantai Timur** yang mampan dan progresif.

YB NOR SHAM BIN SULAIMAN

ADN Semerak





Petani, pesawah dan pekebun kini terkesan akibat **kenaikan harga diesel** yang membebankan. Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan masih belum melaksanakan pakej rangsangan ekonomi bagi menangani situasi ini. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri Kelantan mempertimbangkan untuk membentangkan kepada rakyat **satu pakej rangsangan ekonomi**, walaupun berskala kecil, sebagai langkah awal **membantu meringankan beban** yang ditanggung rakyat.



YB ROZI BIN MUHAMAD

ADUN Tendong



“ Jika Kelantan mahu mempercepat lonjakan pembangunan dan berdiri seiring dengan negeri-negeri lain, maka ekonomi digital tidak boleh lagi dilihat sebagai pilihan sampingan, tetapi mesti dijadikan agenda keutamaan negeri yang dilaksanakan dengan kesungguhan, disiplin dan keberanian politik.

Perbadanan Digital Negeri Kelantan

Perbadanan Digital Negeri Kelantan yang bakal ditubuhkan perlu mengambil kira ekosistem ekonomi negeri Kelantan dan dipacu secara digital.

Perbadanan ini juga sebagai antara instrumen penting pelaksanaan agenda Pelan Tindakan Ekonomi Digital (PTED) malah digambarkan sebagai **struktur yang akan memacu pelaksanaan secara lebih holistik** melalui beberapa kluster utama.

Kepentingan Projek Strategik Pembinaan Jambatan Pengkalan Kubor, Tumpat dan Tak Bai, Thailand

Projek ini bukan sekadar infrastruktur fizikal tetapi juga **merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi rentas sempadan** yang berpotensi membuka lebih banyak **peluang perdagangan, pelancongan** serta aktiviti ekonomi rakyat.

YB HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH

ADN WAKAF BHARU

HARI KEDUA

4 ZULKAEDAH 1447H || 22 APRIL 2026

SESI SOAL JAWAB

LANGKAH KERAJAAN NEGERI KELANTAN MENINGKATKAN KETELUSAN PERKHIDMATAN AWAM



Pembangunan Modal Insan

- Pelaksanaan Program ProLEADs untuk meningkatkan kompetensi, integriti dan kemahiran kepimpinan penjawat awam
- Selaras dengan prinsip tadbir urus baik dan akauntabiliti



Prestasi dan Tatatertib

- Pengukuhan disiplin melalui Panel Penasihat Tatatertib
- Pengiktirafan prestasi menerusi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
- Bertujuan membentuk budaya kerja yang berkualiti dan berintegriti



Perjawatan dan Organisasi

- Pelaksanaan audit organisasi, penetapan tugas yang jelas, pusingan kerja, pengisytiharan harta dan program integriti
- Langkah ini penting untuk memastikan akauntabiliti serta mengelakkan konflik kepentingan



Kesejahteraan Psikologi

- Inisiatif seperti Sistem MyPsyD, program pembangunan psikologi dan Modul Smart Itqan dilaksanakan
- Fokus kepada kestabilan emosi, profesionalisme dan peningkatan kualiti perkhidmatan penjawat awam



Pematuhan Prosedur

- Semua urusan perkhidmatan dilaksanakan mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan dengan proses semakan dan perakuan yang telus

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



USAHA MELAKSANAKAN SISTEM HISBAH ATAU OMBUDSMAN



- Kerajaan Negeri komited memperkukuh akauntabiliti, ketelusan dan integriti



- Konsep hisbah dilihat selari dengan pendekatan pentadbiran negeri kerana menekankan pemantauan berterusan, pencegahan salah guna kuasa dan pemeliharaan kepentingan rakyat



- Prinsip ombudsman juga diberi perhatian sebagai mekanisme semak dan imbang yang bebas dan telus



- Buat masa ini, fungsi pemantauan dilaksanakan melalui:
 - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (PAC);
 - Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengikut sektor seperti pendidikan, sosial dan tadbir urus



- Keutamaan kerajaan ialah memastikan setiap mekanisme pemantauan benar-benar menjamin ketelusan, keadilan dan kebertanggungjawaban



LANGKAH MEMPERKASA INTEGRITI PENGHULU



KURSUS/PROGRAM/TAKLIMAT

- Kerjasama antara Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dengan Institut Integriti Malaysia (IIM).
- Latihan berkala oleh IPTG, IL DAN dan YTK turut dilaksanakan kepada semua Penghulu meliputi aspek integriti, pengurusan konflik, kepimpinan dan penyampaian perkhidmatan awam.

MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PRESTASI

- Sistem penilaian prestasi tahunan bagi para Penghulu di Negeri Kelantan dilaksanakan untuk menilai kecekapan pentadbiran, pengurusan aduan, serta tahap kepuasan rakyat.
- Pemantauan secara berkala dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan melalui laporan bulanan serta lawatan tapak.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang





KERJASAMA STRATEGIK MEMBANGUNKAN RANTAIAN INDUSTRI NANAS SEBAGAI KLUSTER EKONOMI WILAYAH TIMUR

- 1
 - Kerajaan Negeri bersama LPNM memperkasakan konsep "Satu Kali Tanam, Tiga Kali Tuai"
 - Melalui pengeluaran buah, sulur dan pemprosesan sisa tanaman kepada produk nilai tambah seperti makanan ternakan dan ikan.
- 2
 - Mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar melalui pembangunan ladang nanas berskala besar
 - Bertujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran dan mewujudkan rangkaian pembekal industri.
- 3
 - Pelaksanaan konsep Satu Daerah Satu Industri (SDSI) diperkukuh
 - Membangunkan industri hiliran berasaskan nanas.
 - Memperkasa usahawan tempatan melalui inovasi produk.
- 4
 - Mempromosi, pembangunan usahawan dan penglibatan belia dipergiatkan melalui program seperti PPAN
 - Bertujuan mewujudkan rangkaian ekonomi lengkap daripada penanaman hingga pemprosesan.
- 5
 - Keluasan tanaman nanas di Kelantan menunjukkan perkembangan positif iaitu 47.38 hektar pada tahun 2023, 44.56 hektar pada tahun 2024, dan meningkat kepada 88.13 hektar pada tahun 2025.
- 6
 - Keluasan tanaman nanas pada tahun 2026 diunjurkan mencecah 140.00 hektar
 - Hasil sokongan bantuan, geran, program agropreneur muda dan penarafan pekebun.

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,
Industri Agromakanan dan Komoditi



TAHAP KEBERKESANAN

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SEJAHTERA (TRS)

45

Rekod pelajar **cemerlang** mendapat **9A dan ke atas** mengikut maklum balas daripada sebahagian peserta

21

Pelajar mendapat keputusan **9A dan ke atas** daripada 361 responden bagi **Program Tuisyen Rakyat Sejahtera (TRS)**

24

Pelajar mendapat keputusan **9A dan ke atas** daripada 229 responden **Program E-Tuisyen**

4

Pelajar luar bandar berjaya mendapat keputusan **10A** daripada rekod tersebut

1139 orang pelajar telah mendaftar **Anugerah Pelajar cemerlang SPM 2025** setakat ini

432 orang pelajar telah mengikuti program ini dengan **peratus kehadiran** sebanyak **77.28%**

YB DATO' HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi



Pertimbangan Pembukaan Aliran Baharu di Sekolah Yayasan Islam Kelantan

Permohonan dan Keperluan Sekolah

Pembukaan aliran baharu **dinilai berdasarkan permohonan rasmi** serta keperluan setempat, termasuk unjuran pelajar dan kemudahan sedia ada.

Keupayaan dan Kesesuaian Pelajar

Mengambil kira **kemampuan akademik dan minat pelajar** bagi memastikan aliran Sains Tulen dan TVET memberi manfaat optimum.

Keseimbangan Identiti Pendidikan YIK

Pelaksanaan aliran baharu **tidak mengabaikan teras pendidikan Islam dan Bahasa Arab** sebagai identiti utama sekolah YIK.



INISIATIF STRATEGIK HUB HALAL KELANTAN

MENUBUHKAN MAJLIS PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL NEGERI KELANTAN (MPIH NK) DAN DIRASMIKAN PADA 4 SEPTEMBER 2025

- Telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Induk yang pertama pada 15 Februari lalu untuk **membincangkan bagaimana penyelarasan strategik dan program-program bersesuaian.**
- MPIH NK diletakkan di bawah Portfolio Agama dan diurusetikan oleh UPEN. Keahlian terdiri daripada Portfolio Pelaburan, Kerajaan Tempatan, Pertanian, TSUK Pembangunan, Halal Development Corporation Berhad (HDC), JAHEAIK, Jabatan Pertanian, jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Invest Kelantan, PKINK, ECERDC dan KIAS

DISKAUN FI PENSIJILAN KOTEJ HALAL SEBANYAK 75%

- Pemohon hanya perlu membayar sebanyak **RM 50.00 sahaja daripada keseluruhan fi sebanyak RM 200.00.**
- **66 orang mendapat manfaat bagi tahun 2026**
- **Syarikat SR Rezeki Venture** milik Puan Noor Syahirah Roslam dari Kg Paya Bemban, Kota Bharu yang merupakan **pemilik Sijil Halal Kategori Kotej pertama di Kelantan yang memperoleh sijil halal.**

PROGRAM DIALOG PEMBANGUNAN HALAL NEGERI KELANTAN

- Tujuan perbincangan strategik hala tuju pembangunan halal negeri Kelantan. **Sasarannya adalah melibatkan pemegang taruh dan pemain industri.**

SEMINAR PEMANTAPAN PENGURUSAN HALAL NEGERI KELANTAN

- Memastikan **sistem jaminan dan integriti halal terus disinergikan.** Sasarannya adalah kepada seluruh pemain industri.

KE ARAH AKREDITASI STANDARD ISO / IEC 17065 BAGI MENCAPAI PIAWAIAN ANTARABANGSA

PUSAT HALAL KIAS (KIASHAC) TELAH DILANTIK SEBAGAI PERUNDING HALAL BAGI SYARIKAT S TRADITION PTE.LTD YANG BERPENGKALAN DARI SINGAPURA DAN PUSAT HALAL KIAS TELAH DIJEMPUT KE TOKYO UNTUK MENDAPATKAN INPUT BERKAITAN PERSIJILAN HALAL DI JEPUN

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah,
Penerangan dan Hubungan Seranta



PELABURAN KOMITED

TAMAN INDUSTRI HALAL PASIR MAS

Taman Industri Halal Pasir Mas (TPHM) yang dibangunkan di **kawasan seluas 108 ekar**, merangkumi lot-lot dan Kompleks Perniagaan Usahawan (EBC).

1

RM45 juta pelaburan komited direkodkan di THPM yang akan menjana **lebih 200 peluang pekerjaan**

2

45% lot industri telah terjual yang merangkumi sektor pembuatan dan perkhidmatan.

3

23% Kompleks Perniagaan Usahawan (EBC) telah disewakan kepada syarikat-syarikat tempatan bagi mengusahakan pelbagai produk dan perkhidmatan.

4



YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah,
Penerangan dan Hubungan Seranta



PERANAN MAWADDAH SUPPORT TEAM



Kumpulan sokongan sosial keluarga.

1



Pemudah cara khidmat nasihat.

2



Platform menghimpunkan tenaga profesional bersara dan dimanfaatkan kembali kepada komuniti.

4



Memberi pandangan dan cadangan terhadap polisi negeri, isu semasa, hak serta keperluan keluarga yang sejahtera.

3



PERBEZAAN

Mawaddah Support Team (MST)

MST memberi **fokus kepada isu sosial dalam keluarga** dengan menyasarkan ketua keluarga serta keluarga yang berisiko.

Antara program yang telah dan akan dilaksanakan:

- **Ziarah Mahabbah Keluarga Mawaddah (Keluarga Contoh)**
65 Keluarga seluruh negeri Kelantan.
- **Ziarah Keluarga Berisiko (2025)**
20 keluarga setiap Parlimen (*terdiri daripada prospek penjara dan klien AADK*).
- **Big Hero (Peringkat Parlimen) (2026)**
150 orang lelaki setiap Parlimen (*terdiri daripada prospek penjara dan klien AADK*).
- **Rehat dan Rawat (Keluarga Berisiko) (2026)**
10 keluarga terlibat kes dadah di setiap Parlimen.

Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP)

MPWP menumpukan **pembangunan, pemerksaan dan kemaslahatan wanita** dengan menyasarkan kaum wanita.

Antara program yang telah dilaksanakan:

- **Sesi Libat Urus Pemerksaan Sosial Wanita**
- **We Love We Care**
10 kes keganasan rumah tangga dan isu sosial wanita yang ditangani di setiap Parlimen.
- **Bantuan Cakna Hawa**

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita



KERJASAMA MAWADDAH SUPPORT TEAM (MST) DENGAN AGENSI LAIN

01

Jabatan Penjara
Malaysia

Agensi
Antidadah
Kebangsaan

02

03

Pertubuhan
bukan kerajaan
(NGO) di setiap
Parlimen

Institusi
agama
JAHEAIK

04

05

Penubuhan Kumpulan Sokongan Sosial
negeri; Kaunselor Berdaftar, Psikologis
Klinikal dan Pegawai Perubatan Psikiatri

YB DATO' ROHANI BINTI IBRAHIM

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan,
Pembangunan Keluarga dan Wanita





Kesihatan Mental

Pembangunan taman rekreasi seluruh negeri dilaksana secara berterusan sebagai komponen sokongan persekitaran yang kondusif bagi mempertingkatkan kesejahteraan kesihatan mental rakyat. Inisiatif ini dilaksanakan menerusi pendekatan **"1 DUN, 1 Taman Rekreasi"** yang merangkumi pembangunan baharu serta penaiktarafan kemudahan rekreasi sedia ada, di samping menggalakkan pembudayaan gaya hidup aktif dalam kalangan masyarakat.



Aduan Awam

Kelantan menyediakan beberapa saluran aduan awam secara dalam talian, antaranya melalui **Aplikasi PBT Care**, **portal e-Aduan PBT** serta **Aduan Kelantan**. Orang ramai digalakkan untuk memanfaatkan platform ini bagi memastikan setiap aduan dapat direkod, dipantau dan disusuli status tindakannya secara lebih sistematik.



Hidupan Liar

Kelantan telah menubuhkan **Jawatankuasa Khas Pengurusan Konflik Hidupan Liar dan Manusia Negeri Kelantan** bagi menangani isu-isu berkaitan konflik antara hidupan liar dan manusia secara lebih bersepadu. Antara fokus utama perbincangan ialah kaedah pengurusan pergerakan hidupan liar secara terkawal bagi mengurangkan risiko konflik.



Pantai Senok

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam telah memperoleh kelulusan untuk **menaiktaraf kemudahan pelancongan sebanyak RM5 juta** yang dijangka siap dalam tempoh satu hingga dua tahun. Kerajaan Negeri telah menaik taraf jalan serta akan membina jambatan penghubung ke Kota Bharu bagi meningkatkan aksesibiliti kawasan tersebut.


YB HILMI BIN ABDULLAH

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar



SASARAN SUKMA SELANGOR 2026

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Kelantan menetapkan sasaran SUKMA XXII Selangor 2026 sebanyak:



Sasaran ini mengambil kira **penyertaan dalam 35 daripada 37 jenis sukan**, selain berpandukan pencapaian edisi lalu, perkembangan latihan atlet, kekuatan semasa sukan berpotensi serta peningkatan keupayaan jurulatih dan kemudahan latihan.



LANGKAH-LANGKAH MENARIK PELANCONG DOMESTIK KE PUSAT MEMBELI BELAH



Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pihak pengurusan pusat membeli-belah untuk menarik pelancong domestik melalui langkah-langkah berikut:

1. Penganjuran pelbagai acara dan **program yang menarik.**
2. Menyediakan **kawasan letak kereta** yang mencukupi
3. Menumpukan produk kepada **segmen pasaran atau niche** tertentu
4. Mengadakan **jualan besar-besaran (jumbo sale)** untuk produk terpilih
5. **Menyertai pameran** di pelbagai negeri bagi memasarkan produk Kelantan



YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan,
Kebudayaan, Kesenian dan Warisan



SESI
PENGGULUNGAN

FEDERALISME: PENYELARASAN PEMBANGUNAN NEGERI



- Kerajaan Negeri menegaskan komitmen terhadap pendekatan federalisme yang **matang dan konstruktif**.
- **Hubungan dengan Kerajaan Persekutuan** termasuk melalui ICU JPM sentiasa diperkukuh bagi **memastikan projek yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan lancar**.
- Penyelarasan dibuat secara berstruktur melalui:
 - ▶ Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTNg) Kelantan), dipengerusikan bersama oleh YAB Menteri Besar Kelantan dan YB Menteri Persekutuan;
 - ▶ Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri, dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri.

Tujuannya untuk menyelaraskan dasar, keutamaan, pemantauan projek dan menyelesaikan isu pelaksanaan dengan segera.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSRUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



PRESTASI ANAK SYARIKAT KERAJAAN / GLC

1. Suntikan modal kepada anak syarikat

dianggap sebagai amalan biasa bagi menyokong operasi dan pembangunan perniagaan.

2. Anak syarikat yang menerima suntikan modal

ditetapkan jadual pembayaran balik secara berjadual.

3. Berdasarkan Laporan Audit Tahun 2024,

terdapat **11 syarikat dorman** di bawah Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Daripada jumlah itu:

- sebahagian telah digulungkan;
- sebahagian masih dalam proses penggulungan;
- sebahagian lagi akan diaktifkan semula untuk tujuan perniagaan lain.

4. Secara keseluruhan, kewujudan syarikat-syarikat

tidak menimbulkan beban kewangan material kepada PKINK atau Kerajaan Negeri.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



ISU KESEDAR DAN TANAH PENEROKA

1

Terdapat **beberapa isu berbangkit** berkaitan KESEDAR dan tanah peneroka yang masih tertunggak serta belum selesai.

2

Kerajaan Negeri bersetuju **menubuhkan Jawatankuasa Khas Tanah KESEDAR.**

3

Tujuannya ialah **membincangkan dan mencari penyelesaian menyeluruh**, khususnya berkaitan pemberimilikan tanah kepada peneroka.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

- Pentadbiran di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri telah berusaha **meningkatkan sistem penyampaian di semua peringkat jabatan dan agensi.**
- Setiap jabatan diberi peringatan untuk memahami fungsi jabatan lain supaya **masalah rakyat dapat diselesaikan** dengan lebih mudah dan cepat.

SKIM CONTRACT OF SERVICE (COS) DAN CONTRACT FOR SERVICE (CFS) KAKITANGAN AWAM

- Kerajaan Negeri mengakui bahawa COS dan CFS **mempunyai asas pewujudan yang tersendiri.**
- Namun, kerajaan akan mengambil langkah sewajarnya bagi **memastikan kebajikan penjawat awam**, sama ada tetap atau kontrak, terus terpelihara.
- Penjawat awam disifatkan sebagai **tulang belakang Kerajaan Negeri Kelantan.**

CADANGAN PEMISAHAN KUASA KETUA JAJAHAN DAN YANG DIPERTUA (YDP) PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

- Cadangan pemisahan kuasa antara Ketua Jajahan dan YDP PBT diakui **telah dilaksanakan di beberapa negeri lain.**
- Kerajaan Negeri akan **membuat kajian menyeluruh** terhadap cadangan tersebut.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



ZON EKONOMI TERANCANG DAN PERANCANGAN NEGERI

1. Perancangan pembangunan negeri berasaskan:

- Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 (RSN Kelantan 2040);
- Rancangan Tempatan Jajahan (RTJ);
- Rancangan Khas Kawasan (RKK).

2. Semua dokumen ini menjadi kerangka

perancangan

guna tanah yang menyeluruh, berhierarki dan saling melengkapi.

3. Zon Ekonomi Terancang yang dibangkitkan

sebenarnya telahpun terkandung dalam rancangan-rancangan tersebut.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah





Sistem Penyampaian Kerajaan

- Pentadbiran di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri telah berusaha meningkatkan sistem penyampaian di semua peringkat jabatan dan agensi
- Setiap jabatan diberi peringatan untuk memahami fungsi jabatan lain supaya masalah rakyat dapat diselesaikan dengan lebih mudah dan cepat



Skim Contract Of Service (COS) dan Contract For Service (CFS) Kakitangan Awam

- Kerajaan Negeri mengakui bahawa COS dan CFS mempunyai asas pewujudan yang tersendiri
- Namun, kerajaan akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan kebajikan penjawat awam, sama ada tetap atau kontrak terus terpelihara
- Penjawat awam disifatkan sebagai tulang belakang Kerajaan Negeri Kelantan



Cadangan pemisahan kuasa Ketua Jajahan dan YDP PBT

- Cadangan pemisahan kuasa antara Ketua Jajahan dan YDP PBT diakui telah dilaksanakan di beberapa negeri lain
- Kerajaan Negeri akan membuat kajian menyeluruh terhadap cadangan tersebut

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



KECEKAPAN PENGURUSAN PENGHULU

Pelaksanaan program dan kursus pemerkasaan oleh Urus Setia Penghulu sepanjang tahun.

Program/Latihan yang dilaksanakan:



Kursus **Induksi**
Penghulu Baharu
2026



Kursus
"Leadership
Trust"



Kursus dan Bengkel
Kemahiran Artificial
Intelligence (AI)



Seminar dan Bengkel
Pengurusan **Kebajikan**
dan **Ekonomi** MPKK



Program **Pemerkasaan**
Ekonomi dan **Kebajikan** MPKK
termasuk masyarakat
Orang Asli di Gua Musang



Kursus
Pemerkasaan
Pengurusan MPKK

Matlamat & Hasil:

- Memperkukuh keupayaan, **profesionalisme** dan **integriti** penghulu.
- Memantapkan **keimpinan** di peringkat **akar umbi**.
- Meningkatkan **kecekapan**, **responsiviti** dan keberkesanan **pengurusan masyarakat**.
- Memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih **tersusun**, **inklusif** dan **berimpak tinggi**.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



PERKEMBANGAN PROJEK PEMBANGUNAN STRATEGIK NEGERI

Kerajaan Negeri melaksanakan pembangunan secara holistik, tersusun dan berfasa melalui agensi serta PBT.

- Fokus kepada **pembangunan bandar baharu** dan pusat **pentadbiran strategik** di beberapa jajahan.
- Minat pelabur **kekalkan positif**; pendekatan **kerajaan proaktif, terbuka** dan **mesra pelabur**.

Negeri Mesra Pelabur



Penubuhan **jawatankuasa khas** oleh Kerajaan Negeri bagi menilai sistem dan **dasar pelaburan** secara menyeluruh.



Dipengerusikan oleh **YB Mulia Dato' Setiausaha** Kerajaan Negeri Kelantan.



Mengkaji **struktur fi, caj dan prosedur** di semua peringkat termasuk PBT dan Pejabat Tanah.



Memastikan **kadar fi dan caj lebih kompetitif** berbanding negeri-negeri lain.



Melaksanakan **penanda aras** (benchmarking) dengan negeri lain bagi **meningkatkan daya saing**.



Mengurangkan **halangan birokrasi** dan **memperkemas sistem penyampaian** kepada pelabur.



Matlamat utama: **menarik lebih ramai pelabur** serta mengukuhkan imej Kelantan sebagai **negeri mesra pelabur**.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



PERKEMBANGAN PROJEK PEMBANGUNAN STRATEGIK NEGERI

Status Terkini Mengikut Kawasan:

- **Ketereh:** Pembangunan Bandar Baharu Buloh Poh & Kok Lanas (peringkat penilaian oleh INVEST Kelantan).
- **Gua Musang:** Projek Halaqat City (dalam proses penyelarasan dasar & kelulusan Persekutuan).
- **Tumpat & Kuala Krai:** Usaha menarik pelabur bagi pembangunan Bandar Tumpat Perdana & pusat pentadbiran baharu.
- **Rantau Panjang:** Penyusunan semula Zon Bebas Cukai dengan penambahbaikan pelan susun atur.

Pembangunan Tok Bali:

- Dirangka sebagai **bandar maritim, pelabuhan & pusat pelancongan** (RTJ 2035 & RKK 2045).
- Keluasan **16,810.62 hektar** melibatkan **Pasir Puteh & Bachok**.
- **Tok Bali Supply Base** (320 hektar): Fasa 1 siap, Fasa 2 ~50% (siap 2027); kemasukan Chevron, PPJO, Hibiscus.
- **Pejabat Polis Marin:** siap, dalam proses CCC.
- **Tok Bali Integrated Fisheries Park:** ~30% kemajuan.
- **Residential Tok Bali:** Fasa 1A (500 unit PRIMA) siap; keseluruhan dijangka siap 2028.

Halatuju Pembangunan:

- Memacu pembangunan secara **strategik, mampan** dan **berdaya saing**.
- Menjamin **keseimbangan pembangunan** antara jajahan serta inklusiviti rakyat.
- **Memperkukuh keyakinan pelabur** melalui dasar yang telus dan mesra pelabur.
- Mengoptimumkan **kawasan strategik** sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri.
- Memastikan **impak pembangunan** dirasai secara langsung oleh rakyat.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



Isu Orang Asli, Pembalakan, Catuan Tebangan Tahunan & Ladang Hutan

Pengurusan Hutan Simpan Kekal (termasuk Nenggiri) dilaksanakan secara terancang, berlandaskan undang-undang serta menyeimbangkan alam sekitar, pembangunan dan kebajikan rakyat.



Masyarakat Orang Asli

- Kerajaan Negeri mengiktiraf penempatan **Orang Asli di Pos Rekom, Pos Simpoh, Pos Tohoi dan Pos Gob** serta kampung sekitarnya.
- **Aktiviti sara hidup** seperti pertanian kecil dan hasil hutan diurus secara sah dan mampan.
- **Kerjasama erat dengan JAKOA** bagi menyelaraskan keperluan dan aktiviti ekonomi komuniti.
- Isu tanah adat ditangani secara berhati-hati, berhemah dan berlandaskan undang-undang.
- Terbuka kepada pandangan semua pihak, namun dinilai secara fakta melalui saluran rasmi.

Pembalakan & Pengurusan Hutan

- **Pelaksanaan lesen secara terkawal** melalui **Catuan Tebangan Tahunan (CTT)** dan **Kawasan Pembangunan**.
- CTT hanya melibatkan kawasan tertentu setiap tahun dan dikawal ketat.
- Kawasan pembangunan merangkumi ladang hutan, utiliti, empangan dan lombong (bukan semua pembalakan).
- Aktiviti dilaksanakan secara berfasa dengan pemantauan berterusan pihak berkuasa.

Kelulusan CTT dan Kawasan Pembangunan dilaksanakan selaras dengan pematuhan terhadap ketetapan Majlis Tanah Negara.

Ladang Hutan

Diluluskan seluas

189,766.60

selaras dasar perhutanan negara.

- **Telah dibangunkan 136,923.93 hektar (~60%);** baki dalam pelaksanaan dengan pematuhan EIA.
- **Sehingga 2025, 81,929 hektar** telah berjaya ditubuhkan.
- Pelaksanaan melalui semakan Jabatan Audit Negara bagi memastikan ketelusan.

Impak & Manfaat

- Menyumbang kepada **hasil negeri** secara mampan.
- Memberi **peluang pekerjaan** dan **peningkatan pendapatan** kepada penduduk tempatan termasuk Orang Asli.
- Menyokong **pembangunan infrastruktur** dan **kesejahteraan komuniti** secara tersusun.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



Kelewatan Pengeluaran Lesen Penjualan & Pemindahan Kayu Getah



- **Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan** bertanggungjawab mengurus pengeluaran dan pemindahan hasil hutan termasuk kayu getah mengikut undang-undang.
- **Purata pengeluaran Lesen Pemindah (Borang 5):** 55 lesen sebulan.
- **Tempoh kelulusan:** Sekitar 14 hari bekerja berdasarkan garis panduan semasa.
- **Garis panduan** ditambah baik melalui Pekeliling Bil. 1/2025 & Bil. 1/2026.
- **Sehingga April 2026:** Sebanyak 66 lesen telah diluluskan.
- **Penambahbaikan** melibatkan pemendekan proses dan tempoh, tertakluk kepada dokumen lengkap.
- **Syarat utama:** Pemilikan geran bagi memastikan kebenaran pemilik dan elak pencerobohan.
- Kelewatan terpencil mungkin berlaku; tindakan susulan akan diambil untuk kenalpasti punca dan atasi isu.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



Penggulungan Portfolio Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan



- Kerajaan Negeri mengamalkan pendekatan **proaktif, responsif dan strategik** dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa
- Fokus kepada kelangsungan dan **pemeriksaan usahawan tempatan** dalam suasana ketidakpastian global

Skim Kredit Mikro

- Diluluskan sebagai intervensi strategik berasaskan **konsep qard (pinjaman tanpa faedah)**
- **Pembiayaan RM3,000 – RM10,000** dengan tempoh bayaran balik 3–5 tahun
- Pendekatan **mesra usahawan** dan fleksibel

Pelaksanaan & Prestasi

- **Taklimat kepada PKD dan ADUN pada 6 April 2026** bagi penyelarasan pelaksanaan
- **Pencapaian kutipan bayaran balik 100%** bagi dua bulan pertama 2026
- **Menunjukkan disiplin tinggi penerima** dan keberkesanan dasar kerajaan

Perlindungan Sosial Usahawan

- **Peruntukan hampir RM150,000** untuk Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO
- **Melibatkan 900 penjaja dan peniaga kecil** untuk tempoh 12 bulan
- **Memperkuh perlindungan sosial dan daya tahan** usahawan mikro

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



Isu Bekalan Air di Kuala Balah



- Sebahagian kawasan masih bergantung kepada sistem graviti melalui **tandak air komuniti**
- Data jumlah kawasan tandak air masih dalam **proses pengumpulan dan pengesahan**

Inisiatif JSANK

- Kerja ukur dan pemertan **tandak air** di Jajahan Jeli dijadikan KPI tahun ini
- Peruntukan **RM100,000 (EFT)** untuk memperkukuh tadbir urus dan kelestarian sumber air

Tindakan Pemulihan

- AKSB sedang membaik pulih muka **sauk** bagi meningkatkan bekalan air
- Projek dijangka siap dalam masa **terdekat**

Matlamat

- Menjamin bekalan air mencukupi, berterusan dan kesejahteraan penduduk

Isu Teknikal AKSB

- Kerosakan 1 daripada 3 jejari telaga menjejaskan kapasiti dan tekanan air
- Masalah lebih ketara semasa musim kemarau dan musim perayaan

Langkah Strategik

- Pendekatan bersepadu: penyelenggaraan, naik taraf infrastruktur dan sumber alternatif
- Peruntukan **RM2 juta** oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan sumber air alternatif
- Aduan dan permohonan akan dinilai **secara teknikal** bagi penggunaan peruntukan secara berfokus

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



Pembangunan REE

Kerajaan Negeri komited mempercepatkan pengeluaran REE bagi menjana hasil negeri dalam tempoh lebih cepat.

Hasrat untuk menarik pelaburan industri hiliran (downstream) seperti kilang bateri dan teknologi tinggi ke Kelantan.

Status Semasa:



Masih tertakluk kepada dasar dan peraturan Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan prosedur dalam bidang kuasa sedia ada sebaik mungkin.

Dua kawasan telah diluluskan kepada dua syarikat untuk tujuan penerokaan REE.

Pendekatan Kerajaan Negeri:

Komited mempercepatkan proses yang berada dalam bidang kuasa negeri. Bekerjasama dengan pelabur dan agensi seperti PMBK untuk memacu pelaksanaan.

Cabaran Utama:

Kekangan dasar Persekutuan berkaitan mineral dan faktor geopolitik global.

Setakat ini hanya satu syarikat mempunyai kelulusan memproses dan mengeksport.

Pelabur ingin menilai kualiti REE sebelum membuat komitmen pelaburan.

Isu volum bekalan yang mungkin tidak mencukupi untuk menyokong industri berskala besar.

Kos pelaburan tinggi bagi pembinaan kilang berteknologi tinggi menyebabkan keputusan pelabur mengambil masa.



YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



KETERJAMINAN & KESELAMATAN MAKANAN

1

12 April 2026, Portfolio Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi bersama UPEN dan semua Jabatan dan agensi yang terlibat telah **mengadakan mesyuarat khusus berkaitan isu bekalan dan harga makanan** berhubung krisis geopolitik dan perubahan iklim.

2

Semua jabatan dan agensi berkaitan pertanian **sudah memulakan langkah segera** yang perlu diambil bagi mengurangkan impak atau kesan dari krisis ini.

3

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menggunakan **peruntukan sedia ada** bagi membantu para penternak negeri Kelantan melalui program khas agihan bantuan makanan ternakan BioFeed AI-Falah berjumlah **RM200,000.00**.

4

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan bersama pegawai dan penghulu sedang bergerak melaksanakan **Bancian Ternakan Ruminan Negeri Kelantan 2016** bertujuan untuk mengumpul data terkini penternak dan populasi ruminan seperti lembu kerbau kambing biri-biri dan sebagainya untuk memudahkan kita menyediakan bantuan yang selayaknya.



KETERJAMINAN & KESELAMATAN MAKANAN

5

Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis menyumbang lebih 70% bekalan beras tempatan negara. Jadi sangatlah **perlu Kelantan diberi tumpuan untuk menyiapkan lebih banyak infra-infra asas** pertanian di bawah KADA, IADA, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

6

Menurut Persatuan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), **petani mempunyai keupayaan terhad untuk menyerap peningkatan kos bajak/tuai** melebihi 50% dan kos keseluruhan, termasuk baja dan racun, sehingga 65% yang akan meningkatkan risiko kelewatan musim penanaman, pengurangan keluasan tanaman dan kemerosotan pengeluaran padi tempatan.



YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,
 Industri Agromakanan dan Komoditi



PEMBANGUNAN INDUSTRI HILIRAN



Portfolio Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi bersama Portfolio Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan bergerak bersama-sama membantu usahawan IKS untuk produk-produk hiliran ini menjadi produk tempatan yang boleh dipasarkan secara meluas.



Rong Chenok Agro Valley mula menunjukkan impaknya dalam pembangunan modenisasi contoh sektor pertanian negeri.

Kilang-kilang kecil, pusat-pusat pengumpulan dan pemprosesan hasil tani sedang giat dibangunkan mengikut potensi.



Kerjasama dengan Invest Kelantan, ECERDC dan pelbagai agensi berkaitan bagi memperhebat pembangunan usahawan seluruh Kelantan.



KILANG MAKANAN TERNAKAN



Kilang Makanan Ternakan merupakan salah satu projek keutamaan Negeri Kelantan terutama bagi membantu penternak-penternak tempatan mendapatkan makanan ternakan pada kadar harga yang berpatutan.

Sebidang tanah kerajaan telah dikenal pasti di Pasir Putih yang boleh menempatkan sebuah kilang makanan ternakan dan pihak Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) berusaha untuk memohon dana khas sebanyak RM 5.5 Juta melalui Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Ekonomi dan juga Kementerian Kewangan (MOF) juga untuk fokus pembinaan Kilang ini termasuk CAPEX & OPEX.



Perbadanan Digital Negeri Kelantan

Kerajaan Negeri telah melaksanakan langkah-langkah awal penubuhan Perbadanan Digital Negeri Kelantan antaranya lawatan kerja dan bengkel libat urus bersama Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC).

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Kerajaan Negeri Kelantan telah menubuhkan Majlis TVET Negeri sebagai platform rasmi penyelarasan TVET.



Beberapa pusat latihan seperti KPKB, KIASDEC serta institusi pondok dan tahfiz telah menerima pentauliahan melibatkan operasi pengeluaran tanaman, pengendalian tanaman cendawan, pengurusan dan operasi masjid, serta pengajaran tahfiz.

Seramai 10 orang pelajar ditawarkan pengajian Diploma Kejuruteraan Mekanikal di Korea Selatan.



Kurikulum Tahfiz Kelantan



Hasil kajian oleh beberapa agensi luar negeri terhadap Kurikulum Tahfiz Kelantan mendapati bahawa kurikulum dan sistem pembelajaran adalah berkesan.

Kurikulum dan sistem pendidikan YIK yang bersifat holistik ini telah berjaya melahirkan ramai graduan dan profesional dalam pelbagai bidang.

YB DATO' HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi



Manifesto Kelantan 84% Dalam Tempoh Separuh Penggal

84%

Penegasan Asas Mengenai Manifesto

- ✓ Manifesto ialah **janji kerajaan** yang wajib dilunaskan selepas parti diberi mandat memerintah.
- ✓ Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan manifesto yang dibuat adalah **realistik, berpijak di bumi nyata dan mampu dilaksanakan**, bukan janji bersifat gimik atau angan-angan.

Tempoh Pelaksanaan Manifesto

- ✓ Manifesto disusun untuk tempoh **lima tahun pentadbiran**
- ✓ Namun begitu, kerajaan negeri telah menubuhkan **pasukan pemantau** bagi mengukur tahap pelaksanaan sebelum tamat tempoh penggal.
- ✓ Pada **separuh penggal**, hasil pemantauan telah dibentangkan bagi menilai pencapaian semasa.

Peranan SPARK Dalam Pemantauan

- ✓ **Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK), Pejabat Menteri Besar** telah dilantik untuk membuat semakan dan memantau keseluruhan pelaksanaan manifesto.
- ✓ Pemantauan dibuat berdasarkan **skala penilaian yang telah ditetapkan**

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD


Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah,
Penerangan dan Hubungan Seranta

Komitmen Penambahbaikan Berterusan



- ✓ Pencapaian manifesto akan terus **dipantau, dibaiki dan diperkasakan** dari semasa ke semasa.
- ✓ Usaha ini akan diteruskan sehingga tamat tempoh penggal pentadbiran kerajaan negeri

Skala Penilaian Pelaksanaan Manifesto



Capaian Semasa Manifesto



- ✓ Manifesto ini merangkumi **18 tawaran** dengan keseluruhan **96 program**
- ✓ Setakat ini, terdapat **11 program** yang masih belum dilaksanakan.
- ✓ Berdasarkan pemantauan semasa, pencapaian keseluruhan manifesto direkodkan pada kadar **84% dalam tempoh separuh penggal**.

Pelaksanaan Di Luar Manifesto



- ✓ Kerajaan Negeri bukan sahaja melaksanakan perkara yang terkandung dalam manifesto.
- ✓ Malah, pelbagai agenda **kesejahteraan rakyat dan kebajikan** turut dilaksanakan walaupun tidak dinyatakan secara khusus dalam manifesto.
- ✓ Ini menunjukkan keutamaan kerajaan adalah memastikan manfaat sampai kepada rakyat secara menyeluruh.

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta



GURU HALAQAT NEGERI KELANTAN

536

guru halaqat di
seluruh negeri
Kelantan

35% (186 orang)

berumur 21 hingga
40 tahun

35% (189 orang)

berumur 41 hingga
60 tahun

30% (161 orang)

berumur 61 tahun
ke atas

KAWASAN MENGAJAR

378 Surau

506 Masjid

136 Lokasi lain di seluruh negeri

Silibus Halaqat :

- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman
- Hadis 40 Imam Nawawi
- Penawar Bagi Hati
- Idaman Penuntut
- Asas Aqidah Islam

Panel Penambahbaikan Silibus Halaqat juga telah ditubuhkan pada tahun ini bagi menambah baik silibus sedia ada. Hasil penambahbaikan tersebut akan diangkat kepada Jawatankuasa Pembangunan Islam untuk kelulusan sebelum dibawa ke peringkat seterusnya.

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah,
Penerangan dan Hubungan Seranta



PERUNDANGAN & KEHAKIMAN

I. **RUU Keterangan Mahkamah Syariah 2002** sedang dalam proses penelitian dan pemurnian JAHEAIK setelah penambahbaikan dan semakan yang telah dibuat oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri pada 26 Februari 2026 yang lalu

II. **Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002** dikuatkuasakan pada 2003 dan **pindaan pada 2022 dan dikuatkuasakan pada 12 Mac 2024**

III. Keperluan **RUU Membasmi Ajaran sesat** telah diteliti oleh pihak Jabatan Kehakiman dan memaklumkan perkara ini telah sedia ada dalam EKJS 2019. Walau bagaimana pun **cadangan ini akan dipertimbangkan semula** selepas Pindaan EKJS yang akan dibenteng nanti

IV. Kerajaan dalam **menjaga Peguam Syarie** telah menggunakan **kaedah-kaedah Peguam Syarie 2000** dan sedang dalam semakan dan pindaan fasa akhir oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan. Walau bagaimana pun sumbang saran antara Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Jabatan Mahkamah Syariah telah dibuat dalam memastikan enakmen baharu berkaitan Peguam Syarie secara berasingan dengan Pentadbiran Mahkamah dapat dihasilkan mengikut keperluan

V. Berkenaan **Jabatan Penguatkuasaan JAHEAIK**, satu mesyuarat telah diadakan **bersetuju** untuk membuat **pemeriksaan jabatan**. Satu kertas kerja telah diangkat dan dipersetujui secara dasar dan telah diserahkan kepada BPSM

VI. Kerajaan telah **meneliti dan membuat semakan** terhadap keperluan **perjawatan N41 terhadap pegawai penguatkuasa** yang membuat tatacara serbuan mengikut lunas undang-undang

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah,
Penerangan dan Hubungan Seranta





KESIHATAN MENTAL & GEJALA SOSIAL

Bagi menangani isu kesihatan mental dan gejala sosial, JAHEAIK akan memperkenalkan satu projek rintis iaitu :

**Perkhidmatan Terapi Jiwa
Berasaskan Ruqyah Syar'iyah**

Kaunseling Psikospiritual

Inisiatif ini **bertujuan** untuk menyediakan **alternatif penyelesaian** kepada **kes-kes berkaitan kesihatan mental** dan **gejala sosial** dalam masyarakat, dengan kerjasama pihak berkaitan seperti Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain yang berkenaan





Kesihatan Mental

Pembangunan taman rekreasi seluruh negeri dilaksana secara berterusan sebagai komponen sokongan persekitaran yang kondusif bagi mempertingkatkan kesejahteraan kesihatan mental rakyat. Inisiatif ini dilaksanakan menerusi pendekatan **"1 DUN, 1 Taman Rekreasi"** yang merangkumi pembangunan baharu serta penaiktarafan kemudahan rekreasi sedia ada, di samping menggalakkan pembudayaan gaya hidup aktif dalam kalangan masyarakat.



Aduan Awam

Kelantan menyediakan beberapa saluran aduan awam secara dalam talian, antaranya melalui **Aplikasi PBT Care**, **portal e-Aduan PBT** serta **Aduan Kelantan**. Orang ramai digalakkan untuk memanfaatkan platform ini bagi memastikan setiap aduan dapat direkod, dipantau dan disusuli status tindakannya secara lebih sistematik.



Hidupan Liar

Kelantan telah menubuhkan **Jawatankuasa Khas Pengurusan Konflik Hidupan Liar dan Manusia Negeri Kelantan** bagi menangani isu-isu berkaitan konflik antara hidupan liar dan manusia secara lebih bersepadu. Antara fokus utama perbincangan ialah kaedah pengurusan pergerakan hidupan liar secara terkawal bagi mengurangkan risiko konflik.



Pantai Senok

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam telah memperoleh kelulusan untuk **menaiktaraf kemudahan pelancongan sebanyak RM5 juta** yang dijangka siap dalam tempoh satu hingga dua tahun. Kerajaan Negeri telah menaik taraf jalan serta akan membina jambatan penghubung ke Kota Bharu bagi meningkatkan aksesibiliti kawasan tersebut.

YB HILMI BIN ABDULLAH

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar



Pendekatan Kerajaan Negeri dalam isu Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat



- **Belia adalah aset, bukan masalah**



- **Sukan sebagai medium perpaduan**



- **NGO merupakan rakan strategik kepada Kerajaan Negeri**



- **Pembangunan negeri adalah berasaskan nilai Islam.**





Komitmen Tinggi Kerajaan Negeri Memperkasa Fasiliti Sukan dan Rekreasi

Kerajaan Negeri sentiasa komited memperkasa pembangunan sukan sebagai medium membina jati diri belia, yang dizahirkan melalui pelaksanaan pelbagai **projek naik taraf kemudahan sukan secara berfasa di seluruh negeri**. Komitmen ini turut disokong oleh **penyediaan peruntukan tahunan di bawah pelbagai pihak dan agensi**, yang keseluruhannya mencecah lebih **RM10 juta setahun** bagi tujuan pembangunan dan program sukan di negeri Kelantan.

Kerajaan Negeri juga memberi penekanan terhadap **penyediaan kemudahan rekreasi dan ruang riadah di setiap daerah** bagi memenuhi keperluan masyarakat khususnya golongan belia dan keluarga. Kesungguhan ini turut dapat dilihat melalui komitmen besar Kerajaan Negeri dalam **penganjuran SUKMA 2028**. Selain itu, pendekatan kerajaan dalam **pembangunan kemudahan sukan adalah secara berfasa**, berdasarkan keutamaan dan kemampuan kewangan negeri.

YB ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO
dan Perpaduan Masyarakat



Strategi Menyeluruh Kerajaan Negeri Menangani Isu Rempit & Gejala Sosial Belia

Pendekatan 3P (Prevention, Policing, Participation)



Prevention (Pencegahan)

pencegahan perlu diperkukuh melalui pendidikan awal di sekolah serta pelaksanaan dasar pendidikan yang lebih menyeluruh oleh pihak berkaitan, termasuk peranan institusi pendidikan negeri seperti YIK dan JPN dalam membentuk sahsiah pelajar sejak awal.



Policing (Penguatkuasaan)

Penguatkuasaan yang konsisten oleh pihak PDRM dan JPJ amat penting dengan sokongan sumber yang mencukupi bagi memastikan tindakan berkesan di kawasan berisiko.



Participation (Penyertaan)

Elemen penyertaan belia perlu diperkasa melalui penglibatan anak muda dalam program pembangunan diri, sukan dan aktiviti sihat seperti yang dilaksanakan oleh Kelantan Future Leaders, UBES, JBS serta inisiatif belia di peringkat komuniti dan masjid.

Penyediaan Alternatif Aktiviti Sihat



Pendekatan alternatif turut diwujudkan melalui penyediaan ruang aktiviti sihat seperti **sukan permotoran terkawal**, termasuk **motocross** dan program seperti **RXZ Forever Legend** serta **Mat Motor Day** bagi memberi saluran positif kepada anak muda.

Intervensi dan Bimbingan Komuniti



Intervensi komuniti melalui **mentor belia** dan **program akar umbi Anak Muda Rakan Al Quran** turut diperluaskan bagi membimbing generasi muda agar tidak terjebak dengan aktiviti negatif, sebaliknya menjadi aset masa depan negeri dan negara.

Data Driven Policing



Pendekatan pencegahan perlu diperkukuh melalui **dasar berasaskan data (data-driven policy)** dengan memberi **tumpuan kepada kawasan hotspot** yang dikenal pasti oleh pihak penguatkuasaan seperti PDRM dan JPJ.

YB ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO
dan Perpaduan Masyarakat





Sektor Pelancongan Sebagai Sumber Ekonomi dan Daya Tarikan Pelancong Asing

- **Sektor Pelancongan Negeri Kelantan** berpotensi untuk dimajukan dan boleh menjadi sumber tambahan kepada pendapatan negeri.
- Kemajuan Pelancongan bergantung rapat dengan keadaan politik semasa baik di peringkat global mahupun domestik.
- Peperangan di Teluk Parsi telah menjejaskan sektor Pelancongan di peringkat dunia kepada 50%, menyebabkan kenaikan kos penerbangan dan sedikit sebanyak membawa kepada penurunan jumlah pelancong daripada Timur Tengah dan Eropah.



Makanan Kelantan Bertaraf Dunia

- Tarikan pelancong ke Negeri Kelantan adalah makanan. Salah satu menu yang telah dipersembahkan ke dalam pertandingan masakan Antarabangsa baru-baru ini adalah menu Nasi Kerabu. Nasi kerabu telah diangkat sebagai menu pilihan ke pertandingan tersebut dan telah mendapat tempat pertama.
- Kelantan akan mengadakan Food Festival di Johor Bharu dan Kuala Lumpur, tujuannya adalah untuk mempromosikan makanan Kelantan dan memberigalakan kepada pengusaha-pengusaha yang memohon permit dan bantuan untuk mengadakan pesta makanan di negeri Kelantan.



YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan,
Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Pantai Jrama Bachok

فستلى بيلام بجوق
بندر قحجوقن اسلام

Bachok Bandar Pelancongan Islam

- Terima kasih kepada ADUN Tawang kerana telah menyebut Bachok Bandar Pelancongan Islam, saya **berhasrat untuk menjadikan semua bandar di Kelantan sebagai Bandar untuk Pelancongan** supaya menjadi nilai tinggi bagi negeri Kelantan.
- Potensi **Pantai Senok** dimajukan sebagai salah satu tempat yang berpotensi besar untuk pelancongan adalah dengan adanya **jambatan yang sedang dibina** terus ke Pulau Gajah, Pengkalan Chepa dan seterusnya Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, dan ini akan menjadi satu **jalan alternatif** yang baik kepada pengunjung sekaligus **memberi manfaat kepada ekonomi** negeri Kelantan.



HARI KETIGA

5 ZULKAEDAH 1447H || 23 APRIL 2026

SESI SOAL JAWAB



Pendekatan Kerajaan Negeri Dalam Menyelaras dan Memantau Projek Belanjawan 2026

- ▶ **Menyelaras dan memantau** melalui Pejabat Perbendaharaan Negeri dan UPEN bagi memastikan semua pelaksanaan menepati objektif yang ditetapkan
- ▶ **Menguruskan perbelanjaan** secara berhemah dengan mengambil kira kesan jangka pendek dan jangka panjang
- ▶ **Memantau projek berimpak** kepada rakyat melalui semakan keutamaan, kajian impak dan penilaian kos kewangan projek
- ▶ **Mengawalselia** melalui Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- ▶ **Memantau projek** pembangunan negeri melalui mekanisme;
 - ▶ Pelaporan berkala bulanan
 - ▶ Tindakan susulan terhadap projek yang lewat atau gagal mencapai sasaran
- ▶ **Mengambil tindakan** secara berperingkat dan tegas terhadap projek bermasalah
- ▶ **Memberikan surat teguran** dan hendaklah mengemukakan pelan pemulihan yang lengkap
- ▶ **Memantau dengan lebih kerap** melalui mesyuarat khas dan lawatan tapak berkala
- ▶ **Mengenakan LAD (Liquidated and Ascertained Damages)** terhadap kontraktor selaras dengan syarat perjanjian jika kelewatan berpunca daripada kecuaiian atau kegagalan kontraktor
- ▶ **Menamatkan kontrak atau melantik kontraktor baharu** jika keadaan lebih serius dan menjejaskan kepentingan awam, tertakluk kepada peraturan kewangan dan tatacara perolehan

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



Peranan Strategik GLC Dalam Pelaksanaan Pembangunan Negeri

Kerajaan Negeri mengutamakan penglibatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam pelaksanaan program dan projek pembangunan. Penglibatan dilaksanakan berdasarkan kepakaran, bidang tumpuan dan keupayaan strategik setiap GLC.



Sektor Pertanian & Bioteknologi

- Diterajui oleh Kelantan Biotech Corporation dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad.
- Kedua-duanya berperanan sebagai pemangkin pembangunan industri bioteknologi dan agro berasaskan inovasi di negeri ini.



Sektor Tenaga Hijau & Utiliti

- Digerakkan oleh Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings.
- Fokus kepada pelaburan strategik dalam bidang tenaga hijau, pengurusan sisa, air bersih dan teknologi lestari.



Sektor Digital & Teknologi Maklumat

- Diperkukuh melalui peranan Infra Quest dan Kelantan ICT Gateway.
- Berfungsi sebagai agensi sehati dan rakan strategik kerajaan negeri dalam merancang, menyelaraskan dan memantau pembangunan ICT serta ekonomi digital.



Sektor Perlombongan & Sumber Mineral

- Dilaksanakan melalui syarikat seperti PMBK Azzahab dan Kelstone.
- Syarikat-syarikat ini terlibat dalam aktiviti perlombongan mineral serta aktiviti hiliran berkaitan.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



Langkah Proaktif Kerajaan Negeri Menghadapi Ketidaktentuan Ekonomi Global

Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah utama seperti berikut:



Tadbir Urus Kewangan Berdisiplin

- o Setiap perbelanjaan negeri diurus secara berintegriti, cekap dan berhemah.
- o Tujuannya ialah untuk menjamin kemampuan fiskal negeri.



Bajet Berimpak Tinggi

- o Kerajaan memberi tumpuan kepada projek dan inisiatif yang mampu memberikan pulangan nilai maksimum.
- o Keutamaan diberikan kepada program yang membawa manfaat langsung kepada rakyat.



Kerjasama Persekutuan-Negeri

- o Hubungan dan sinergi antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan terus diperkukuh.
- o Langkah ini penting bagi melancarkan pelaksanaan projek pembangunan nasional di peringkat negeri.

**YAB DATO' PANGLIMA PERANG
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD**

Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam,
Kewangan, Ekonomi dan Tanah



LESEN MENDULANG EMAS KECIL




493

Permohonan telah **diterima, diproses dan dinilai** berdasarkan syarat dan garis panduan yang ditetapkan



333



Lesen Mendulang Emas Kecil telah **diluluskan**



54

Lesen Mendulang Emas Kecil telah **diambil** oleh pemohon

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Timbalan Menteri Besar Kelantan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli,
Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang



PENDIGITALAN SEKTOR PERTANIAN

NEGERI KELANTAN

SISTEM GEOTANAMAN



- Sistem pemetaan digital bersepadu bagi **merekod data ladang** (GPS, jenis tanaman, keluasan, profil pengusaha).
- Membolehkan **perancangan pengeluaran makanan lebih tepat** dan berasaskan data.

PENDIGITALAN PERKHIDMATAN PERTANIAN



- Pelaksanaan **modul e-Pengembangan** untuk **khidmat nasihat secara digital**.
- Pensijilan MyGAP dan MyOrganic dibuat secara dalam talian.
- **Sistem eGAM** memudahkan permohonan Geran Agropreneur Muda.
- Mempercepatkan penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan birokrasi.

TEKNOLOGI PERTANIAN PINTAR (SMART FARMING)



- Penggunaan **IoT, AI dan sistem fertigasi pintar** dalam operasi ladang.
- **Disokong** melalui **insentif dan geran** padanan seperti program GAM Upscale.
- Meningkatkan **produktiviti dan kecekapan** penggunaan input.

PEMBANGUNAN KAPASITI PENGUSAHA



- **Latihan dan kursus** berkaitan teknologi digital pertanian.
- Memastikan pengusaha mampu **menggunakan teknologi secara efektif**.
- **Mengurangkan jurang kemahiran** dalam kalangan petani.

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,
 Industri Agromakanan dan Komoditi



PENDIGITALAN SEKTOR PERTANIAN

NEGERI KELANTAN

PEMBANGUNAN DRON PERTANIAN



- Program Al-Falah Drone Darul Naim (AFDOL) melatih juruterbang dron.
- Digunakan untuk pemetaan, pemantauan dan semburan tanaman.
- Meningkatkan kecekapan serta menjimatkan masa dan kos operasi.

RUMAH CENDAWAN PINTAR



- Penggunaan IoT untuk kawalan automatik operasi penanaman cendawan.
- Mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual.
- Meningkatkan konsistensi dan hasil pengeluaran.

MODEL LADANG PINTAR RONG CHENOK AGROVALLEY



- Penggunaan sensor, automasi dan pemantauan kelembapan tanah.
- Aplikasi fertigasi pintar dan teknologi penternakan moden (reban ayam tertutup)
- Menunjukkan transformasi ke arah pertanian komersial berteknologi tinggi.

PEMASARAN DIGITAL



- Platform Agrobazaar Online (ABO) oleh FAMA untuk pemasaran terus kepada pengguna.
- Sehingga Mac 2026: hampir RM2.9 juta jualan dan lebih 79,000 transaksi.
- Memperluas akses pasaran dan meningkatkan pendapatan pengusaha.

- Pendigitalan meningkatkan kecekapan pengeluaran, pengurusan dan pemasaran.
- Mengukuhkan daya saing sektor pertanian negeri.
- Menarik penglibatan golongan belia.
- Menjadi asas kepada pembangunan pertanian pintar dan mampan di Kelantan

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian,
Industri Agromakanan dan Komoditi



Pendekatan RFID dalam Pengurusan Ternakan



Pelaksanaan Teknologi RFID

- Dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan.
- Digunakan untuk memodenkan pengurusan ternakan.
- Fokus kepada daya jejak, pemantauan kesihatan dan kawalan penyakit secara sistematik.



Penggunaan Mikrocip dan Fungsinya

- Melibatkan ternakan seperti lembu hibrid NAIMbif, kuda dan haiwan kesayangan.
- Mikrocip bertindak sebagai identiti unik bagi setiap haiwan.
- Membolehkan rekod kesihatan, vaksinasi dan rawatan dipantau secara berpusat.



Sistem Rekod dan Status Semasa

- Data disimpan dalam sistem serta buku "pet passport".
- Boleh diakses melalui Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan.
- Tahun 2025 : melibatkan 127 ekor kuda, 145 ekor lembu hibrid dan beberapa haiwan kesayangan.
- Menunjukkan perkembangan awal penggunaan teknologi RFID di Kelantan.



Impak dan Hala Tuju

- Memperkukuh sistem daya jejak ternakan dari ladang ke pengguna (farm to fork).
- Meningkatkan kawalan penyakit dan keselamatan makanan.
- Kerajaan Negeri akan memperluas pelaksanaan dan meningkatkan kesedaran penternak.



Pendigitalan Sektor Perikanan



Sistem Fish Site Identification (FSI)



- Menggunakan data satelit untuk mengenal pasti lokasi penangkapan ikan.
- Membantu nelayan menjimatkan masa dan mengurangkan kos operasi sehingga 30%.
- Meningkatkan kecekapan dan hasil tangkapan.

Sistem eLesen Perikanan



- Permohonan dan pembaharuan lesen dibuat secara dalam talian.
- Mempercepatkan urusan serta mengurangkan kos dan birokrasi.
- Lebih mesra pengguna kepada nelayan.

Sistem MFVR (Rekod Vesel)



- Menyelaraskan maklumat vesel dan nelayan dalam satu sistem berpusat.
- Memudahkan pemantauan serta perkongsian data antara agensi berkaitan.
- Meningkatkan ketelusan dan pengurusan maklumat.

Penggunaan Kod QR



- Digunakan sebagai identifikasi vesel.
- Memastikan ketepatan data dan memudahkan pengesanan oleh pihak berkuasa.
- Menyokong sistem pemantauan yang lebih sistematik.

Sistem eLogbook



- Pelaporan aktiviti penangkapan ikan secara masa nyata (*real-time*).
- Membantu analisis data dan perancangan strategi sektor perikanan.
- Menyokong pengurusan sumber yang lebih berkesan.

Kesimpulan

- Pendigitalan meningkatkan kecekapan operasi dan hasil tangkapan nelayan.
 - Memodenkan pengurusan sektor perikanan secara menyeluruh.
- Menyokong pengurusan sumber yang mampan dan berasaskan data.

YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi



INTERVENSI

SEKOLAH-SEKOLAH YIK

BERPRESTASI RENDAH



1. Intervensi Akademik Berfokus

- Penempatan guru berpengalaman atau guru cemerlang bagi membantu meningkatkan kualiti PdP.
- Pelaksanaan kelas tambahan, klinik subjek kritikal dan program lonjakan akademik.



2. Kempen Kesedaran dan Promosi Sekolah

- Kempen kesedaran melalui pemasangan banner dan hebahan media bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sekolah YIK.
- Sesi penerangan dan promosi di sekolah rendah sebagai usaha menarik kemasukan pelajar baharu.



3. Pendekatan Ziarah dan Libat Urus Ibu Bapa

- Lawatan ke rumah pelajar sasaran khususnya yang berisiko keciciran atau berprestasi rendah.
- Sesi libat urus bersama ibu bapa bagi mengenal pasti punca masalah dan merangka pelan sokongan bersama.
- Program motivasi pelajar dan ibu bapa secara berkala.



4. Insentif dan Bantuan Kebajikan

- Pemberian insentif yuran bagi pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.
- Bantuan pakaian seragam atau keperluan asas persekolahan.



MEKANISMA PEMANTAUAN

- Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap sekolah yang terlibat.
- Laporan berkala oleh pihak sekolah kepada YIK.
- Lawatan pemantauan dan penilaian impak oleh pegawai akademik.
- Mesyuarat penambahbaikan susulan bagi menilai keberkesanan tindakan yang diambil.



SOALAN TAMBAHAN 1:**TVET @ SEKOLAH YIK**

- » TVET sebagai langkah intervensi yang berpotensi kepada pelajar yang kurang cenderung kepada akademik namun pelaksanaannya belum secara menyeluruh.
- » Pentauliahan program kemahiran bersama pusat latihan seperti KPKB, KIASDEC serta rangkaian institusi pondok dan tahfiz
 - a) Maahad Muhammadi Gua Musang: Program Operasi Pengeluaran Tanaman
 - b) MTAQ Darul Saadah Beta Hulu
- » Pendekatan Akademi Dalam Industri (ADI) bagi menyelaraskan latihan kemahiran mengikut keperluan sebenar industri.

SOALAN TAMBAHAN 2:**SISTEM PENGKALAN DATA BERPUSAT SEKOLAH-SEKOLAH YIK**

- » Kerajaan Negeri telah melaksanakan program Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) untuk semua sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan bagi memastikan data pengajian dan peperiksaan seperti:
 - 1. Ujian pengesanan 1
 - 2. Ujian pengesanan 2
 - 3. Peperiksaan pertengahan tahun
 - 4. Peperiksaan percubaan
- » Sistem ini boleh ditambahbaik dan dipertingkatkan kemampuannya untuk menganalisis data pelajar yang lebih besar.
- » Kerajaan Negeri sedang membangunkan satu sistem digital ke arah sekolah digital untuk memantau prestasi akademik pelajar-pelajar YIK

**YB DATO' HAJI WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT**Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi

Inisiatif Kerajaan Negeri Dalam Memperkasa Aktiviti Sosio-Budaya, Institusi Agama Khususnya di Dun Pulau Chondong.

- 1** Kerajaan melalui agensi Pembangunan Islam JAHEAIK, Jabatan Mufti, Jabatan Pendakwaan Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah dengan sokongan padu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sentiasa **Mengadakan program untuk memperkasa institusi Agama, Masjid dan surau** di semua jajahan dalam Negeri Kelantan.
- 2** Program Penerangan Undang-Undang Syariah supaya masyarakat jelas dan faham apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri di dalam. Pelaksanaan Syariah **telah dilaksanakan** di semua masjid Mukim dalam DUN Pulau Chondong bagi tahun 2025.
- 3** Program komuniti setempat dengan Kerjasama NGO termasuk JAKIM seperti Santapan Rohani Guru KAFA, Forum Bicara Ad-Din dan Forum Hari Kebesaran Islam **termasuk melibatkan anak muda** di masjid dan surau.
- 4** Program **pembasmian gejala sosial** telah dilakukan di masjid Syamsul Maarif Lelaki menfokuskan komuniti pelajar berkaitan gelas sosial dalam kalangan anak muda.
- 5** Bahagian Dakwah Halaqat, JAHEAIK juga menyusun program imarah masjid dengan aktiviti tadarus sepanjang Ramadan di **13 masjid dalam DUN Pulau Chondong**. Program Kuliah Dhuha Muslimat di 9 Masjid dalam DUN Pulau Chondong.
- 6** **Shariah Life** juga digerakkan oleh agensi agama JAHEAIK serta institusi Agama lain termasuk Ketua Jajahan sebagai Pengerusi Pembangunan Islam Jajahan dan dengan sokongan padu MAIK dalam merencanakan secara lapangan program pembangunan Islam

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah,
Penerangan dan Hubungan Seranta



Aktiviti Melibatkan Anak Muda di Masjid-Masjid



Perkembangan Terkini Berkaitan Kajian Solat Peringkat Negeri Kelantan

Kerajaan negeri Kelantan melihat perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah **solat 5 waktu** di negeri ini kerana akan memberi kesan kepada masalah gejala sosial.

Kerajaan Negeri telah melantik pihak berautoriti untuk melaksanakan Kajian solat 5 waktu dilaksanakan di 45 DUN bermula **September 2025** sehingga **Jun 2026**.

5 tahap kajian :

- 3.1. Kajian Rintis (121 responden)
- 3.2. Peninjauan -1500 borang soal selidik (Feb-Mac)
- 3.3. Penambahbaikan -3000 borang kaji selidik. (April)
- 3.4. Penyempurnaan -1800 borang soal selidik (Mei)
- 3.5. Penyediaan laporan akhir (Jun)

YB USTAZ MOHD ASRI BIN MAT DAUD

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta



PENGUATKUASAAN KEBERSIHAN DAN HALA TUJU DASAR KELANTANKU BERSIH

Penguatkuasaan merupakan salah satu objektif utama dalam Dasar Kelantan Bersih dengan mewujudkan kawasan yang lebih bersih di Kelantan serta menyentuh isu jumlah kompaun yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

OBJEKTIF PERTAMA: KESEDARAN DAN SIKAP MASYARAKAT

Menekankan pembinaan kesedaran, pengetahuan dan amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat.

Pelbagai program gotong-royong telah dilaksanakan di peringkat parlimen, komuniti, RKT, persatuan dan pelbagai lapisan masyarakat.

Aktiviti seperti plogging, gotong-royong perdana dan program berkaitan kebersihan dilaksanakan untuk membudayakan amalan hidup bersih dan sihat selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam.

OBJEKTIF KEDUA: AMALAN KITAR SEMULA

Fokus kepada peningkatan amalan kitar semula dalam komuniti dan masyarakat.

Inisiatif melalui program seperti 3R dan UCO (Used Cooking Oil - Minyak Masak Terpakai), termasuk usaha menukar minyak terpakai kepada produk lain seperti sabun.

Pendekatan ini bertujuan membina kesedaran alam sekitar serta menggalakkan pengurusan sisa secara lebih bertanggungjawab.

YB HILMI BIN ABDULLAH

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar



PENGUATKUASAAN KEBERSIHAN DAN HALA TUJU DASAR KELANTANKU BERSIH

OBJEKTIF KETIGA: KITARAN EKONOMI

Dasar kebersihan juga dihubungkan dengan kitaran ekonomi melalui konsep sisa sebagai sumber atau *waste to wealth*.

Antara pendekatan yang dilaksanakan ialah:

- Material Recovery Facility (MRF);
- Penghasilan kompos;
- Pengasingan plastik dan logam;
- Aktiviti hiliran lain berkaitan sisa.

Pendekatan ini menunjukkan bahawa sampah bukan sekadar isu pelupusan, tetapi juga boleh dijadikan sumber ekonomi.



PENGUATKUASAAN KEBERSIHAN DAN HALA TUJU DASAR KELANTANKU BERSIH

OBJEKTIF KEEMPAT: KERJASAMA PELBAGAI PIHAK

Kerajaan memantapkan kerjasama kerjasama dalam aktiviti kebersihan bersama:

- Agensi kerajaan;
- Masyarakat setempat;
- Penduduk;
- NGO;
- Sekolah.

Inisiatif yang dijalankan adalah PIKAH/Program Komuniti Alam Hijau, dengan penglibatan hampir 60 buah sekolah dan sekitar 80,000 pelajar di seluruh Kelantan.

Kerajaan juga mengadakan anugerah kebersihan kepada PBT, sekolah, NGO dan komuniti bagi menggalakkan penyertaan yang lebih luas.



PENGUATKUASAAN KEBERSIHAN DAN HALA TUJU DASAR KELANTANKU BERSIH

OBJEKTIF KELIMA: PENGUATKUASAAN

Penekanan ialah penguatkuasaan, termasuk pemasangan CCTV secara berperingkat di semua PBT.

Tujuannya ialah memperkasakan pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan secara lebih bersepadu, cekap dan berkesan.

Rakyat menyokong tindakan tegas terhadap pelanggaran kebersihan, termasuk pembuangan sampah secara haram.





PUNCA KUASA PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Terdapat dua akta utama yang menjadi rujukan penguatkuasaan kebersihan:

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

AKTA 171

PERBEZAAN

AKTA 672

Lebih tertumpu kepada pengurusan domestik dan komuniti, dengan kadar hukuman yang lebih rendah

HURAIAN

Lebih melibatkan pengurusan industri, perumahan dan kawasan bandar, dengan hukuman yang jauh lebih berat.

Sekitar RM2,000

HUKUMAN

Boleh mencecah RM100,000 serta melibatkan hukuman penjara



MEKANISME PENGUATKUASAAN DI PERINGKAT PBT

PBT menggunakan pelbagai mekanisme bagi memastikan kebersihan terjaga, antaranya:



pasukan khas
/task force



operasi berjadual
oleh penguat
kuasa



operasi khusus
di premis
perniagaan



pemasangan
CCTV di kawasan
hotspot

PBT telah menjalankan operasi kebersihan **tiga kali seminggu** dengan fokus kepada premis perniagaan, termasuk memastikan penyediaan tong sampah yang mencukupi.



YB HILMI BIN ABDULLAH

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar



PENGUATKUASAAN KEBERSIHAN DAN HALA TUJU DASAR KELANTANKU BERSIH



Penggunaan Teknologi CCTV

- **Penggunaan CCTV menjadi antara mekanisme utama bagi mengesan pembuangan sampah haram dan illegal dumping**
- **Jawapan menyebut terdapat PBT yang memasang 18 unit CCTV berhampiran tong sampah atau lokasi terpilih**
- **Selain itu, ada PBT yang memuat naik rakaman atau kesalahan di media sosial untuk memberi kesedaran kepada masyarakat**



USAHA KERAJAAN MEMPERKASA KEMAHIRAN BELIA

Kursus dan Latihan Berasaskan Industri melalui Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan

- Kursus Teknologi Maklumat (IT & Digital Skill)
- Kursus Gunting Rambut dan Kemahiran Dandan
- Kursus-kursus kemahiran teknikal dan keusahawanan mikro



Fokus:
Kemahiran jana pendapatan segera (kerja / bisnes)

Diploma Kemahiran Diiktiraf - Kerjasama strategik TVET [Kerjasama strategik Tvettech USIM dalam pelaksanaan Diploma Kejurulatihan Bina Insan Negara]

- Diiktiraf JPK & KSM
- Piawaian SKM / DKM
- Kelayakan sah peringkat nasional



Fokus:
Tingkat kebolehpasaran & mobiliti kerjaya

Program Kelantan Youth Digitalpreneur

- Pembangunan usahawan digital muda
- Networking dan mentoring
- Sokongan dana belia niaga



Fokus:
Melahirkan usahawan digital berjaya

Model "Latih - Bimbing - Sandar"

- **Latihan Kemahiran:** Teknikal dan soft skills
- **Bimbingan dan Mentoring:** Sahsiah, disiplin dan pengurusan diri
- **Laluan Berdikari:** Peserta digalakkan untuk :
 - Bekerja dalam industri
 - Menjadi jurulatih komuniti
 - Usahawan mikro



Fokus:
Dari "job seeker" ke "job creator"

Selaras Agenda Pembangunan Belia

- Pembangunan Kompetensi (Qawiy)
- Pembinaan Integriti dan Akhlak (Al-Amin)
- Kurang kebergantungan bantuan
- Mobiliti sosial melalui kemahiran



YB ZAMAKHSHARI BIN MUHAMAD

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat



Program Sambutan Tahun Melawat Malaysia 2026

3-5 Mac 2026	29 Januari - 1 Februari 2026	April 2026
International Tourism Bourse (ITB) Berlin	Putrajaya Open Day	MATTA Fair
Mei 2026	Julai 2026	
MAH Fair	Kelate Showcase (MARA)	

Langkah-Langkah Kerajaan Negeri Menyahut Sambutan Tahun Melawat Malaysia 2026

Mempergiat promosi digital dan kerjasama influencer bagi meluaskan pasaran pelancongan.

Menganjurkan pelbagai festival dan acara pelancongan sepanjang 2026.

Memperkukuh Kerjasama antara Kerajaan, industri dan komuniti untuk pakej pelancongan lebih menarik.

Menambah baik kemudahan dan infrastruktur bagi meningkatkan pengalaman pelawat.

Meningkatkan kemahiran pengusaha dan pemandu pelancong untuk perkhidmatan berkualiti.

Mempromosi pelancongan komuniti seperti homestay, kraftangan dan eko pelancongan.

Menggiatkan kempen kebersihan dan kelestarian di lokasi pelancongan.

YB DATUK KAMARUDIN BIN MD NOR

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan,
Kebudayaan, Kesenian dan Warisan





فرسيدنن كالي قرتام باكي تيمقوه فقنل كأمقت
ديوان نكري كلتنن يث ك ليم بلس

**PERSIDANGAN KALI PERTAMA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEEMPAT
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KE LIMA BELAS TAHUN 2026**

2-5 ZULKAEDAH 1447H • 20-23 APRIL 2026

Infografik: Sekretariat Sebaran Sidang DUN

